



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**  
**Shaping the Future**

E-ISSN: 2682-7948

# Buletin APB

## EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



## Perbincangan Dua Hala Di Antara Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar bersama Empat Universiti Indonesia Sempena Global Outreach Programme 6.0

**NUR NADIA DZULKIFLI & SHEIKH AHMAD IZADDIN SHEIKH MOHD GHAZALI**

UiTM KAMPUS KUALA PILAH

Satu Perbincangan dua hala telah diadakan pada tanggal 21 Ogos 2023 (Isnin) bertempat di Dewan Syarahan 200 Universiti Teknologi MARACawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, bersempena Global Outreach Programme 6.0 anjuran Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, Hal Ehwal Akademik. Aktiviti yang julung kali diadakan ini melibatkan penglibatan sebanyak empat universiti dari Indonesia yang iaitu:

- 1.Universitas Islam Indonesia(UII)
- 2.Universitas Maritim Raja Ali Haji(UMRAH)
- 3.Universitas Telkom (UT)
- 4.Universitas Negeri Malang (UNM)

Seramai 16 orang pensyarah serta 67 orang pelajar dari keempat-empat universiti berkenaan telah menyertai program yang merupakan edisi keenam kali ini. Perbincangan ini telah diketuai oleh Ketua Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar(KPP PPKAS), Profesor Madya Ts ChM Dr Sheikh Ahmad Izaddin Sheikh Mohd Ghazali, UII diketuai oleh Profesor Is Fatimah, Dr Husneni Mukhtar, Dr Ardi Widhia Sabekti dan Dr Jamiliatul Badriyah masing-masing mewakili universiti UMRAH, UT dan UNM. Perbincangan dimulai dengan taklimat ringkas berkenaan UiTM dan kampus-kampus lain yang berada di negeri Sembilan iaitu Kuala Pilah, Seremban dan juga Rembau. Seterusnya pengenalan mengenai populasi staf di ketiga-tiga kampus, fakulti yang wujud di setiap kampus cawangan serta kursus yang ditawarkan di UiTM Negeri Sembilan.



KPP PPKAS juga mengambil kesempatan untuk mempromosi Pusat Pasca Siswazah (PPS) UiTM Negeri Sembilan dan berkongsi aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh PPS. Selain itu, statistik kemasukkan pelajar pasca siswazah di UiTM Negeri Sembilan serta bilangan pelajar pasca siswazah yang telah bergraduat bagi Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar juga turut dikongsi bersama. Di samping itu juga perkongsian mengenai peralatan, kelengkapan dan makmal-makmal kimia yang wujud di UiTM Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah.



Bagi slot terakhir, perbincangan adalah mengenai halatuju PPKAS pada tahun 2024 di mana pada tahun hadapan PPKAS dengan tema PPKAS Go For Outbound! telah merancang untuk melawat salah satu daripada empat universiti di atas untuk GOP 7.0. Di samping itu juga, satu perancangan untuk menghantar pelajar Latihan Industri daripada Program Ijazah Kimia dan Pengurusan ke Indonesia bagi memenuhi matlamat outbound PPKAS 2024. Selain itu juga, KPP PPKAS telah menyenaraikan beberapa subjek kimia pada tahun hadapan bagi menyertai Program Pemindahan Kredit Subjek bagi pelajar PPKAS dan di antara 4 Universiti berkenaan.



Hasil dari perbincangan ini adalah amat positif terutamanya bagi perancangan aktiviti tahun 2024 yang juga memenuhi KPI UiTM secara amnya. Secara keseluruhannya UII, UMRAH,UT dan UMT telah bersetuju untuk menerima kehadiran kami pada tahun hadapan serta sudi menerima pelajar-pelajar kami untuk menyertai Latihan industri bersama mereka. KPP PPKAS berhasrat agar kerjasama semua universiti-universiti ini dapat diteruskan serta diperkembangkan pada masa akan datang.